

ELAKKAN DARIPADA MENJADI MANGSA PENIPUAN GORES DAN MENANG

Written by Jayasilan Kandasamy
Monday, 12 September 2011 12:04

http://www.konsumerkini.net.my/v1/images/stories/image2011/images20110601/images_20110912_cus2t.jpeg



Dalam zaman moden yang semakin mencabar ini, wujud pelbagai jenis penipuan. Setiap hari media melaporkan tentang individu yang ditipu beribu-ribu ringgit oleh sindiket tertentu yang ingin mengaut keuntungan sekelip mata.

Walaupun banyak laporan media disiarkan, tetapi semakin ramai yang terperdaya, seolah-olah laporan berita tersebut tidak memberi sebarang makna kepada mereka. Bilakah masyarakat di Malaysia ingin sedar tentang pelbagai jenis penipuan ini, atau menunggu sehingga 'bila dah terhantuk baru nak mengadiah'

Antara penipuan yang sering dilaporkan ialah gores dan menang. Ia merupakan satu kaedah yang dilakukan oleh pihak tertentu yang menggunakan taktik gores dan menang sebagai kaedah untuk mendekati pengguna.

Selain itu, terdapat banyak kaedah lain, contohnya "buka dan menang", juga boleh mempengaruhi orang ramai supaya terpengaruh dengan produk yang ingin diperkenalkan.

Pengguna perlu menyedari taktik-taktik penipuan seperti ini. Adakalanya sindiket ini menggunakan taktik-taktik sebagai menghantar surat. Mereka akan menghubungi pengguna melalui surat dengan mengatakan bahawa pengguna tersebut telah terpilih bagi peraduan yang dianjurkan oleh sebuah syarikat. Bagi mengaburi mata pengguna, sindiket meminta pengguna datang mengambil hadiah atau promosi gores dan menang.

Selain daripada itu mereka juga menggunakan taktik menghubungi melalui telefon. Taktik ini lebih kurang sama dengan taktik menghantar surat. Panggilan telefon akan dibuat serta menerangkan tujuan panggilan dibuat di samping menerangkan faedah yang menarik jika pengguna tersebut datang ke tempat yang dinyatakan itu.

ELAKKAN DARIPADA MENJADI MANGSA PENIPUAN GORES DAN MENANG

Written by Jayasilan Kandasamy
Monday, 12 September 2011 12:04

Taktik lain digunakan ialah melantik syarikat tertentu bagi memujuk pengguna untuk memasuki peraduan gores dan menang. Pengguna akan dijanjikan dengan pelbagai hadiah yang lumayan.

Selain itu terdapat juga taktik jurujual yang berkunjung dari rumah ke rumah dengan memperkenalkan dirinya sedang membuat kaji selidik tentang sesuatu jenama. Jika pengguna terpedaya, jurujual mengambil kesempatan bagi mempromosikan barangan syarikat beliau, disamping menggunakan paksaan atau ugutan.

Malah ada juga yang taktik menghantar SMS. Matlamat dan motif adalah sama, iaitu untuk menipu.

Tempat aktiviti gores dan menang biasanya berlaku rumah ke rumah, kompleks perniagaan, di hadapan bank, tempat letak kereta awam, kawasan R&R di lebuh raya dan sebagainya.

Bagaimana seorang pengguna dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa kepada penipuan- penipuan ini?

Pengguna hendaklah sentiasa berhati-hati apabila dikunjungi oleh jurujual atau ejen yang menawarkan hadiah yang tidak munasabah nilainya. Semakan kad pengenalan ejen-ejen bagi mengetahui maklumat sebenar syarikat yang menjalankan skim gores dan menang seperti nama, alamat, dan nombor telefon syarikat.

Pengguna juga perlu peka dengan kandungan iklan-iklan yang ditawarkan oleh ejen-ejen tersebut seperti perihal barangan, harga, kos dan masa penghantaran.

Penipuan melalui gores dan menang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Jualan Langsung 1993 dan Akta Perihal dagangan 1972.

Fikir Sebelum Bertindak, Jadilah pengguna yang bijak.

Jayasilan Kandasamy
Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)